



13 Jun 2018
13 June 2018
P.U. (A) 139

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PROKLAMASI

PROCLAMATION

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PROKLAMASI

OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
DENGAN KURNIA ALLAH,
KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

SULTAN MUHAMMAD V
Yang di-Pertuan Agong XV

BAHAWASANYA Parlimen telah dibubarkan pada tujuh hari bulan April, dua ribu lapan belas:

DAN BAHAWASANYA Fasal (4) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh tidak lewat daripada seratus dua puluh hari dari tarikh pembubaran itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN MUHAMMAD V, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri-Negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan, DENGAN INI MEMANGGIL Parlimen untuk bermesyuarat dan menetapkan enam belas hari bulan Julai, dua ribu lapan belas, dan pukul sepuluh pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Malaysia Yang Keempat Belas, yang akan diadakan di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan.

DIPERBUAT di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada lapan hari bulan Jun, dua ribu lapan belas.

Dengan Titah Perintah Baginda

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

PROCLAMATION

BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG,
BY THE GRACE OF ALLAH,
SUPREME HEAD OF THE STATES AND TERRITORIES OF MALAYSIA

SULTAN MUHAMMAD V
Yang di-Pertuan Agong XV

WHEREAS Parliament was dissolved on the seventh day of April, two thousand eighteen:

AND WHEREAS Clause (4) of Article 55 of the Federal Constitution provides that Parliament shall be summoned to meet on a date not later than one hundred and twenty days from the date of such dissolution:

NOW THEREFORE, WE, SULTAN MUHAMMAD V, by the Grace of Allah, the Yang di-Pertuan Agong of the States and territories of Malaysia, in exercise of the powers conferred on US under Article 55 of the Federal Constitution, DO HEREBY SUMMON Parliament to meet and appoint the sixteenth day of July, two thousand eighteen, and the hour of ten in the morning, as the date and time for the First Meeting of the First Session of the Fourteenth Parliament of Malaysia, to be held in the Parliament House in Kuala Lumpur, the Federal Capital.

GIVEN at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, this eighth day of June, two thousand eighteen.

By His Majesty's Command

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Prime Minister